# PENILAIAN FUNGSI PUSAT SEPARA WILAYAH; IMPLIKASI DAN HALANGAN KAWASAN KAJIAN: BANDAR GUA MUSANG

**SITI SAFIZAN BINTI KAMALUDDIN**

**Laporan projek ini dikemukakan**
**sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan**
**Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina**
**Universiti Teknologi Malaysia**

**Mei 2008**

## ABSTRAK

Pusat Separa Wilayah merupakan satu kawasan perancangan yang sangat besar dalam perkembangan sesuatu wilayah. Fungsi pusat separa wilayah sangat penting bagi memberikan sumbangan pembangunan khususnya ekonomi dalam sesuatu wilayah. Seiring dengan perkembangan semasa, Pusat Separa Wilayah mengalami revolusi perkembangan. Namun begitu, bagi sebahagian kawasan yang dinaikkan taraf menjadi pusat separa wilayah, tahap perkembangan kefungsiannya tidak dapat memenuhi kehendak kefungsian pada tahap hierarki pusat separa wilayah itu sendiri. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil inisiatif ini untuk mengkaji tahap kefungsian Pusat Separa Wilayah ini. Oleh kerana Bandar Gua Musang dinaikkan taraf untuk menjadi Pusat Separa Wilayah, maka kajian ini dibuat di Jajahan Gua Musang Kelantan. Pusat-pusat pertumbuhan lain yang berada dalam kawasan ini dijadikan perbandingan untuk mengukur tahap kefungsian Bandar Gua musang sekaligus melihat halangan dan implikasi kenaikan taraf Bandar Gua Musang ini. Pusat Pertumbuhan yang turut dikaji ialah Bandar Baru Chiku, Bandar Baru Lojing dan Bertam Baru. Lima analisis telah dibuat untuk melihat tahap kefungsian Pusat separa Wilayah ini iaitu Analisis fungsi dan hirarki bandar, Analisis potensi pertumbuhan bandar, Analisis keadaan fizikal, Analisis sosioekonomi dan Analisis tahap penerimaan perkhidmatan bandar. Daripada analisis yang telah dibuat, didapati Bandar Gua Musang mampu untuk menjadi pusat separa wilayah, namun begitu, terdapat halangan dan masalah bagi bandar ini. Ini disebabkan keadaan fizikal kawasan yang menyukarkan untuk pembangunan dibawa masuk dan juga kadar pertumbuhan penduduk yang rendah, dan kadar ini dapat disaingi oleh pusat pertumbuhan yang lain. Walaupun mempunyai masalah, implikasi daripada penaiktarafan ini memberikan kesan yang positif kepada bandar ini dan kawasan tadahannya. Kajian ini asih lagi memerlukan banyak pendedahan dan kajian lanjutan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih tepat. Ianya diharapkan dapat menjadi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan keputusan perancangan supaya mengambilkira aspek tahap kefungsian sesebuah pusat pertumbuhan.

# ABSTRACT

*Sub Regional Centre is a mass planning area in the development of a region. The function of this Sub Regional Centre is very important in giving contribution for the development especially in economy aspect in the region. Sub Regional Centre also having an evolution tag along current time movement. Nevertheless, for certain upgraded Sub Regional Centre area, its functional rate still did not fulfill the real function as a Sub Regional Centre in the urbanization hierarchy. Therefore, the study aims at identifying the function of Sub Regional Centre. As Bandar Gua Musang, Kelantan has been upgraded to be a Sub Regional Centre hence it was taken as the study area. Other growth centre area inside the district have been taken as a comparison to measure the functional level of Bandar Gua Musang and at the same time to overview the constraint and implication Bandar Gua Musang after it was upgraded to be Sub Regional Centre. Bandar Baru Chiku, Bandar Baru Lojing and Bertam Baru have been taken as the comparison to the Bandar Gua Musang. Five analyses have been made to see the functional rate of this Sub Regional Centre including; Function and Urbanization Hierarchy Analysis, Urbanization Growth Potential Analysis, Physical Circumstance Analysis, Socioeconomic Analysis and Urban Service Acceptance Level Analysis. Result of the analyses shows that Bandar Gua Musang is capable to become Sub Regional Centre. However, there are constraints and problems in this city. This is due to the physical condition of the city that could delay development process inward the city and low population growth rate yet on the other hand, this rate could be an advantage to other growth area to compete this Sub Regional. Even though this Sub Regional Centre have obstacle to be tackled, the positive implication of this upgraded level of hierarchy could be seen in this city and its surrounded area. This research still has lacking and need for further study and exposure to gain exact explanations. This research is hopefully could be a guidelines for agencies involved for the development of this Sub Regional Centre in order that the functional level of a Sub Regional is more considered when it comes to planning decision.*